



Pada 14 September 2021, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Perak telah mengadakan "Sharing Session: How to Generate e-Certificate" melalui platform Google Meet. Program yang berlangsung hampir 2 jam ini disampaikan oleh Encik Muhammmad Azim Ansori, Pustakawan dari PTAR UiTM Cawangan Perak.

Secara khususnya program ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta tunjuk ajar kepada staf PTAR dalam penjanaaan e-sijil secara mudah dan efisien. Ini kerana sepanjang tempoh pandemik COVID-19, banyak program anjuran perpustakaan dilaksanakan secara maya dan ia memerlukan penghantaran e-sijil kepada para peserta. Sesi perkongsian telah dimulai dengan penerangan ringkas mengenai penjanaaan e-sijil tersebut oleh Encik Azim dan diikuti oleh sesi tunjuk ajar secara langsung kepada para peserta yang terlibat. Seramai 17 orang staf telah menyertai program ini.